

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]

SOALAN NO. 229

Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sumbangan hasil yang diterima oleh Kerajaan Pusat daripada negeri Johor dan jumlah yang telah disalur balik kepada Johor mulai tahun 2009 hingga 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 97(1) Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa segala hasil dan wang tidak kira bagaimana jua pun didapatkan atau diterima oleh Persekutuan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Pentadbiran kutipan hasil cukai bagi Kerajaan Persekutuan adalah melibatkan dua jabatan/agensi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDRM) yang mengutip cukai tidak langsung. Hasil cukai yang dikutip oleh Kerajaan Pusat termasuk Cukai Langsung (CL) dan Cukai Tidak Langsung (CTL) akan disalurkan terus ke akaun Kumpulan Wang Disatukan. Dalam hal ini, adalah sukar untuk menentukan jumlah kutipan dari setiap negeri dengan tepat kerana kutipan cukai yang dibuat adalah berdasarkan alamat pembayar cukai seperti di dalam rekod LHDN dan JKDRM. Sebagai contoh terdapat syarikat yang beroperasi di sesebuah negeri tetapi membayar cukai di Kuala Lumpur atau di tempat lain mengikut lokasi terletaknya ibu pejabat syarikat berkenaan.

Jumlah hasil yang dikutip akan disalurkan balik kepada semua negeri berdasarkan kepada konsep persekutuan atau *federalism* iaitu berdasarkan kepada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan mengikut keperluan sesebuah negeri khususnya bagi peruntukan pembangunan. Secara amnya, antara klasifikasi pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri ialah Pemberian Ikut Kepala (Capitation Grant), Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (State Roads Grant), Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dan Pemberian Di Bawah Senarai Bersama seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual Kesembilan (Senarai Bersama) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman, sejumlah RM6.9 bilion telah disalurkan kepada negeri Johor

NO SOALAN : 229

dari tahun 2009 hingga 2018 dalam bentuk pemberian kepada Kerajaan Negeri. Bagi tujuan pembangunan di negeri Johor, peruntukan sebanyak RM18.85 bilion telah diagihkan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Johor bagi tempoh 2009 hingga 2018.

Kesimpulannya, segala hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mengira jenis hasil yang diterima atau tanpa mengira sumber kutipan daripada negeri-negeri tertentu akan diagihkan semula untuk membiayai perbelanjaan Kerajaan dalam melaksanakan program/projek yang memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.